

Orang muda perlu bijak bersaing

Oleh **ZULKIFLI JALIL**
dan **ROSNİ HASSAN**

KEPALA EATAS 3 Julai - Datuk Sen Abdullah Ahmad Badawi mahu generasi muda byak bersaing merebut peluang memperoleh ilmu dan kemahiran di peringkat lebih tinggi berikutan pendidikan lepasan menengah yang belum mencukupi untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, kerajaan aebenarnya telah menyediakan pelbagai saluran untuk mereka mendepani alam pekerjaan dengan produktif dan progresif.

Selain universiti-universiti awam, kata beliau, terdapat banyak pusat latihan dan kemahiran yang dibina bagi tujuan tersebut.

"Walaupun mungkin terpaksa mengeluarkan modal sedikit untuk membayar yuran pengajian, ia tidak patut dijadikan halangan kerana pelaburan dalam pendidikan tidak akan pernah merugikan.

"Oleh itu rebutlah peluang yang ada demi masa depan anda dan negara," kata beliau ketika berucap merasmikan Kolej Komuniti Kepala Batas dan konvokesyen kali pertama kolej itu di Dewan Milenium di sini hari ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh dan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon turut hadir.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyampalkan Sijil Teknologi Elektrik kepada Sharil Adamuddin pada Konvokesyen Kolej Komuniti dan perasmian Kolej Komuniti Kepala Batas di Dewan Milenium, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.

Abdullah berkata, adalah menjadi hasrat kerjayaan untuk melihat warganegara ini bersama-sama melibatkan diri, memainkan peranan masing-masing dan menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara.

Menurutnya, ini semua disediakan kerana kerajaan sedar bahawa untuk menjadi sebuah negara maju, Malaysia memerlukan

kan seramai mungkin tenaga profesional dan aepara profesional yang mahir dalam pelbagai bidang.

"Rakyat yang mempunyai pendidikan dan latihan kemahiran walaupun separa profesional bukan sahaja akan menjadi pemangkin pembangunan negara tetapi juga memastikan diri mereka tidak tercirir dalam persaingan arus globalisasi," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Bintang Utara yang menyanyikan lagu tema 'My Malaysia, MyMSC' selepas pelancaran fasa kedua di KLCC di Kuala Lumpur, semalam. (Berita di muka 1)

Sehubungan itu, kata beliau, latihan yang diberikan di kolej komuniti berperanan menyediakan pelajar dengan ilmu dan pengetahuan asas.

Ia juga, menurut Perdana Menteri, bertindak sebagai batu loncatan berikutan mereka telah dilengkapi dengan asas-asas dalam sesuatu bidang untuk melangkah ke alam pekerjaan,

"Saya percaya para graduan

Kolej Komuniti telah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan asas yang kukuh kerana selama tempoh pengajian dua tahun ini, mereka telah diberi latihan secara teori dan praktikal.

"Kolej ini juga memberikan latihan kepada anda dalam bidang-bidang yang ditawarkan di mana-mana universiti seperti perakaunan, pengurusan perniagaan dan lain-lain lagi," katanya.

Beliau berharap lepasan Kolej Komuniti akan bertindak sebagai ejen perubahan yang membantu meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat setempat.

Kata beliau: "Berkongsilah ilmu, pengalaman dan pengetahuan dengan rakan-rakan yang lain agar mereka juga akan sama-sama mendapat manfaat daripada apa yang anda peroleh."